Berdasarkan Analisis Laporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Pertengahan Tahun 2021 bagi Mata Pelajaran RBT Tahun Lima Negeri Kedah, pencapaian menunjukkan markah yang di dapati rata-rata kurang daripada 50% pada setiap Tahap Pentaksiran (TP), (Data Analisis Pelaporan PBD, Pertengahan Tahun 2021: Unit PBD, Pejabat Pendidikan Daerah, Kubang Pasu, Kedah). Analisis keperluan yang telah dijalankan kepada guru-guru RBT, mendapati keperluan untuk membangunkan Aplikasi *Augmented Reality* berada pada tahap yang tinggi. Malahan, guru-guru sangat bersetuju bahawa perlunya Aplikasi *Augmented Reality* ini perlu dibangunkan sebagai salah satu alternatif pembelajaran secara konvensional semasa pelaksanaan PdPc. Berdasarkan daripada keputusan tersebut, hasil kajian analisis keperluan, guru-guru RBT bersetuju bahawa alat bantuan pembelajaran yang interaktif boleh meningkatkan

minat dan motivasi pembelajaran murid dengan lebih berkesan (Asmahan Md Yusoff Aizudin et al., 2022). Malahan, guru-guru sangat bersetuju bahawa perlunya Aplikasi *Augmented Reality* dibangunkan sebagai salah satu alternatif pembelajaran secara konvensional semasa pelaksanaan PdPc. Hal ini selari dengan dapatan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu bahawa keperluan membangunkan Aplikasi berupaya menghasilkan panduan yang jelas untuk pengajaran lebih berkesan, efisien dan mampu dijadikan sebagai kaedah utama pengajaran bagi meningkatkan kualiti aktiviti pembelajaran murid serta mengolah kaedah pembelajaran yang biasa digunakan kepada kaedah yang lebih menarik dan menyeronokkan (Rafiee Jamian & Hafsah Taha, 2020; Mohd Suhaimi Yasin et al., 2021). Oleh itu, kepentingan membangunkan Aplikasi *Augmented Reality* ini dapat membantu guru menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam PdPc terutama yang melibatkan pembelajaran tajuk baharu (Masliza Siti Ramli & Nor'ain

Penggunaan teknologi *Augmented Reality* dalam bidang pendidikan dapat membantu meningkatkan motivasi dan melibatkan murid secara aktif di dalam kelas (Farhana Nor Shuhada Muhammad Pozi & Fariza Khalid, 2017; Khakimova, 2020). Di samping itu, penggunaan *Augmented Reality* (AR) juga dapat membantu murid belajar memahami dan membaca arahan sambil berusaha mempelajari teknik menjahit dengan lebih terperinci.

Kelebihan menggunakan Aplikasi *Augmented Reality* dapat merangsang pemikiran murid secara kritis mengenai masalah dan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seharian (Syawaludin et al., 2019). Hal tersebut kerana sifat media pendidikan adalah untuk membantu murid dalam proses pembelajaran dengan



kehadiran atau ketiadaan guru dalam bilik darjah. Penggunaan media pendidikan *Augmented Reality* (AR) secara langsungnya dapat dipelajari di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa sahaja walaupun diluar bilik darjah (Mustaqim, 2016).

Selain itu kelebihan yang terdapat pada Aplikasi *Augmented Reality* (AR) ialah dengan menerapkan pengetahuan dan kemahiran agar menjadi lebih baik serta berusaha untuk meluaskan fikiran dan pandangan murid disekeliling persekitaran bilik darjah supaya dapat meningkatkan kualiti dan keberkesanan pencapaian akademik dalam PdPc (Foster & Cunnif, 2016).

Menurut Jamaliah Jamaludin (2014), guru yang berkualiti dapat menguasai dan merealisasikan segala kemahiran, pengetahuan dan kepakaran yang ada pada dirinya sebagai alat untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran amali di bengkel. Pelbagai Pengajaran dan pemudahcara (PdPc) terkini berubah mengikut kesesuaian semasa. Di luar negara pendekatan dalam PdPc sudah mengambil berat mengenai pembelajaran telefon pintar untuk diaplikasikan dalam mata pelajaran di sana. Selain itu, murid boleh menerima pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana sahaja mereka berada dengan menggunakan pelbagai alat teknologi yang tersedia pada ketika ini. Tetapi pada asasnya, pengajaran dalam PTV masih menggunakan kaedah tradisional walaupun dengan perkembangan semasa dalam pengajaran (Abdul Rahman et al., 2017).

Justeru, penggunaan *Augmented Reality* (AR) sebagai media pembelajaran jelas membuktikan bahawa peningkatan pencapaian akademik yang positif dalam kalangan murid serta menunjukkan motivasi yang memberansangkan. Oleh itu, dalam konteks kajian ini Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar adalah bertepatan dan bersesuaian





dalam proses PdPc bagi mata pelajaran RBT Tahun Lima di sekolah rendah agar dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan bagi memastikan pembelajaran murid yang lebih berkesan dari aspek pencapaian dan motivasi.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk menghasilkan satu inovasi PdPc RBT khususnya dalam topik jahitan dengan membangunkan Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar sebagai bahan bantu PdPc bagi murid Tahun Lima. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat kesan Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar dalam Mata Pelajaran Reka Bentuk Dan Teknologi (RBT) terhadap pencapaian dan motivasi murid Tahun Lima di sekolah



1.5 Objektif Kajian

Manakala objektif khusus yang ingin dicapai adalah seperti berikut:

- 1) Mengenal pasti keperluan membangunkan Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar dalam mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima.
- 2) Membangunkan Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar dalam mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima.
- 3) Menguji kesan penggunaan Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar terhadap pencapaian dalam mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima.



- 4) Menguji kesan penggunaan Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar terhadap motivasi dalam pembelajaran bagi mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima.

1.6 Persoalan Kajian

Bagi pembinaan Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar, penyelidik akan menjawab persoalan kajian seperti berikut:

- 1) Apakah terdapat keperluan membangunkan Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar dalam mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima?

- 2) Bagaimanakah Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar dibangunkan?

- 2.1 Adakah Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar dalam mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi?

- 3) Adakah penggunaan Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar memberi kesan terhadap pencapaian dalam mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima?

- 3.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan min keputusan ujian pra antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?

- 3.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan min keputusan ujian pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?

- 3.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan min keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi murid kumpulan kawalan?
 - 3.4 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan min ujian pra dan ujian pasca bagi murid kumpulan rawatan?
 - 3.5 Adakah terdapat perbezaan antara kumpulan murid dan min keputusan ujian pra terhadap min keputusan ujian pasca?
- 4) Adakah penggunaan Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar memberikan kesan terhadap motivasi murid dalam pembelajaran bagi mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima?
- 4.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan nilai skor min motivasi murid dalam kumpulan rawatan sebelum dan selepas menggunakan Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar?

1.7 Hipotesis Alternatif

Hipotesis Alternatif berikut dikemukakan untuk diuji.

- Ha1: Terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pra antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- Ha2: Terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pasca ujian antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- Ha3: Terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pra dan ujian pasca ujian bagi murid kumpulan kawalan.



Ha4: Terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pra dan ujian pasca bagi murid kumpulan rawatan.

Ha5: Dengan mengawal faktor keputusan ujian pra, kumpulan murid akan mempengaruhi keputusan ujian pasca

Ha6: Terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min motivasi murid dalam kumpulan rawatan sebelum dan selepas menggunakan Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar.



Jadual 1.1

Objektif, Persoalan dan Hipotesis Kajian

Bil	Objektif	Persoalan	Hipotesis
1	Mengenal pasti keperluan membangunkan Aplikasi <i>Augmented Reality</i> Jahit Pintar dalam mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima.	Apakah terdapat keperluan membangunkan Aplikasi <i>Augmented Reality</i> Jahit Pintar dalam mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima?	
2	Membangunkan Aplikasi <i>Augmented Reality</i> Jahit Pintar dalam mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima.	Bagaimanakah Aplikasi <i>Augmented Reality</i> Jahit Pintar dibangunkan? 2.1 Adakah Aplikasi <i>Augmented Reality</i> Jahit Pintar dalam mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi?	
3.	Menguji kesan penggunaan Aplikasi <i>Augmented Reality</i> Jahit Pintar terhadap pencapaian dalam mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima.	Adakah penggunaan Aplikasi <i>Augmented Reality</i> Jahit Pintar memberi kesan terhadap pencapaian dalam mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima? 3.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan min keputusan ujian pra antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?	Ha1: Terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pra antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

(bersambung)

Jadual 1.1 (*sambungan*)

Bil	Objektif	Persoalan	Hipotesis
		3.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan min keputusan ujian pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?	Ha2: Terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
		3.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan min keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi murid kumpulan kawalan?	Ha3: Terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pra dan ujian pasca ujian bagi murid kumpulan kawalan.
		3.4 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pra dan ujian pasca bagi murid kumpulan rawatan?	Ha4: Terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pra dan ujian pasca bagi murid kumpulan rawatan.
		3.5 Adakah terdapat perbezaan antara kumpulan murid dan min keputusan ujian pra terhadap min keputusan ujian pasca?	Ha5: Dengan mengawal faktor keputusan ujian pra, kumpulan murid akan mempengaruhi keputusan ujian pasca
4.	Menguji kesan penggunaan Aplikasi <i>Augmented Reality</i> Jahit Pintar terhadap motivasi dalam pembelajaran bagi mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima.	Adakah penggunaan Aplikasi <i>Augmented Reality</i> Jahit Pintar memberikan kesan terhadap motivasi murid dalam pembelajaran bagi mata pelajaran RBT untuk murid Tahun Lima? 4.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan nilai skor min motivasi murid dalam kumpulan rawatan sebelum dan selepas menggunakan Aplikasi <i>Augmented Reality</i> Jahit Pintar?	Ha6: Terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min motivasi murid dalam kumpulan rawatan sebelum dan selepas menggunakan Aplikasi <i>Augmented Reality</i> Jahit Pintar.




Jadual 1.1 merupakan ringkasan objektif dan persoalan kajian bagi penyelidikan ini. Selain itu, jadual tersebut menerangkan hipotesis yang terbina bagi setiap objektif dan persoalan kajian. Objektif yang pertama dan kedua tidak ada hipotesis bagi tujuan mencapai objektif tersebut. Bagi hipotesis ketiga terdapat lima hipotesis yang terbina bagi tujuan mencapai objektif tersebut. Akhir sekali bagi objektif yang keempat hanya terdapat satu hipotesis yang telah dibina bagi tujuan mencapai objektif tersebut.

1.8 Kerangka Teori

Dalam membangunkan Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar ini, terutamanya pada peringkat reka bentuk Aplikasi, teori pembelajaran memainkan peranan penting untuk memastikan Aplikasi boleh dibina dengan mencapai objektif yang telah dibuat. Perspektif teori amat penting bagi memahami sesuatu dalam penyampaian maklumat, perlakuan atau fenomena yang seterusnya dapat dijadikan asas dalam strategi reka bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Berikut ialah perbincangan mengenai teori-teori yang dikaitkan dengan pembelajaran RBT berdasarkan kaedah penerapan pemikiran reka bentuk dalam Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar iaitu Teori Kognitivisme dan Teori Konstruktivisme Sosial. Sementara reka bentuk dan susun atur paparan skrin menggunakan Teori Multimedia oleh Mayer (2001) dan Teori Minimalisme oleh Carroll (1998). Kerangka Teori Kajian ini seperti dalam Rajah 1.1





Rajah 1.1. Kerangka Teori

Untuk memahami kerangka teori kajian mengenai pembelajaran berasaskan teknologi (RBT) dalam aplikasi *Augmented Reality* (AR) Jahit Pintar, kita perlu melihat secara mendalam pada teori-teori yang mendasari pendekatan ini:

i) **Teori Kognitivisme:**

Teori ini menekankan bagaimana manusia memproses informasi, menyimpan, dan mengingatnya. Dalam konteks pembelajaran RBT, teori kognitivisme membantu memahami bagaimana murid dapat menyerap dan memahami maklumat yang disampaikan melalui aplikasi AR. Aplikasi AR Jahit Pintar menggunakan elemen interaktif dapat membantu murid untuk memahami konsep jahitan melalui visualisasi dan simulasi, serta dapat meningkatkan daya ingatan dan pemahaman.

ii) Teori Konstruktivisme Sosial:

Teori ini dicadangkan oleh Lev Vygotsky dan menekankan pentingnya interaksi sosial dalam proses pembelajaran. Menurut teori ini, murid belajar dengan lebih efektif melalui kolaborasi dan dialog dengan orang lain. Dalam aplikasi AR Jahit Pintar, murid mungkin bekerja secara berpasangan atau dalam kumpulan, berkongsi idea dan strategi jahitan, serta saling membantu dalam memahami konsep yang sukar.

iii) Teori Multimedia oleh Mayer (2001):

Mayer mengemukakan bahawa pembelajaran lebih efektif apabila informasi disampaikan melalui kombinasi teks dan gambar berbanding teks sahaja. Teori ini juga mencadangkan prinsip-prinsip reka bentuk yang membantu mengoptimumkan pembelajaran melalui multimedia. Aplikasi AR Jahit Pintar menggunakan kombinasi teks, gambar, animasi, dan simulasi AR untuk menyampaikan maklumat jahitan dengan lebih jelas dan menarik.

iv) Teori Minimalisme oleh Carroll (1998):

Teori minimalisme menekankan pada penyederhanaan informasi dan reka bentuk yang bersih dan tidak berlebihan. Proses ini merujuk kepada meringkaskan maklumat supaya lebih mudah difahami. Pendekatan ini membantu pengguna fokus pada elemen penting dan mengurangkan kebingungan. Dalam aplikasi AR Jahit Pintar, susun atur paparan skrin direka bentuk secara minimalis untuk memastikan murid tidak terganggu oleh elemen yang tidak perlu dan hanya fokus pada tugas jahitan yang diajar.



Merujuk kepada kerangka teori dalam Rajah 1.1, teori kognitivisme dan konstruktivisme sosial diintegrasikan dalam kaedah pembelajaran untuk membantu murid memahami dan mengingat informasi melalui interaksi dan kolaborasi. Manakala teori multimedia oleh Mayer dan teori minimalisme oleh Carroll digunakan dalam reka bentuk dan susun atur paparan skrin untuk memastikan penyampaian informasi yang efektif dan tidak mengganggu. Dengan kerangka teori ini, aplikasi *Augmented Reality* (AR) Jahit Pintar dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang holistik dan efektif serta dapat memanfaatkan teknologi *Augmented Reality* (AR) untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran murid dalam bidang jahitan.


1.9 Kerangka Konseptual Kajian



Bagi menghuraikan kerangka konseptual yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2 dapat dibentuk melalui gabungan teori dan model diterangkan secara ringkas yang telah digunakan dalam kajian. Kerangka konseptual ini menjelaskan keseluruhan konsep kajian dan penginterpretasi kajian dalam bentuk rajah atau diagram supaya menjadi panduan kepada penyelidikan untuk menjalankan kajian (Norfishah Mat Rabi, 2020).

Dalam dalam proses pembangunan Aplikasi *Augmented Reality* (AR) ini penyelidik merujuk kepada teori pembelajaran Multimedia yang diperkenalkan oleh Mayer (2001). Teori pembelajaran multimedia Mayer membincangkan hubungan kait 'dual coding' yang merangkumi kesemua sistem memori iaitu memori sensori, memori kerja dan memori jangka panjang. Mayer (2001) juga membahagikan saluran maklumat kepada dua iaitu verbal dan visual.





Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

Teori Mayer menyatakan bahawa seseorang pelajar yang menggunakan multimedia telah melalui tiga proses kognitif yang penting. Proses kognitif yang pertama ialah memilih perkataan atau teks bagi pemprosesan dalam memori kerja verbal dan memilih imej-imej bagi pemprosesan dalam memori kerja visual. Proses kognitif kedua ialah mengorganisasikan perkataan atau teks yang dipilih kepada model mental verbal dan mengorganisasikan imej-imej yang dipilih kepada model mental visual. Proses kognitif ketiga ialah menggabungkan memori verbal dan visual berdasarkan pengetahuan sedia ada (Mayer, 2001). Dalam pembelajaran multimedia, orang belajar dengan lebih mendalam (Sorden, 2012) dan membuat hubungan yang bermakna semasa belajar menggunakan kata dan gambar (Mayer, 2009).

Secara komprehensif, Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia adalah apabila murid membina pembelajaran yang bermakna dengan penggunaan multimedia (verbal dan visual) iaitu agar mereka dapat belajar dengan lebih mendalam. Menurut Mayer (2009), pembelajaran multimedia dilihat sebagai pengukuhan respons, pemerolehan maklumat dan pembinaan pengetahuan. Pengukuhan respons bermaksud peranan murid untuk membuat tindak balas tertentu dan menerima ganjaran atau hukuman berdasarkan tindak balas mereka. Oleh itu, peranan guru akan memberi murid sama ada ganjaran atau hukuman yang sepatutnya diberikan oleh murid. Pemerolehan maklumat yang menggunakan multimedia bagi menyampaikan maklumat dengan cekap, yang melibatkan penambahan maklumat ke minda murid. Pemerolehan maklumat memandangkan fikiran murid sebagai objek kapal yang kosong melalui pembelajaran, kemudian mereka akan mengambil maklumat dari luar dan menyimpan dalam ingatan

Terakhir adalah pembinaan pengetahuan iaitu di mana pengetahuan dibina secara peribadi oleh murid itu sendiri, yang melibatkan beberapa proses yang telah berlaku. Dalam pembelajaran multimedia, terdapat tiga proses kognitif kritikal yang terdiri daripada memilih, menyusun dan mengintegrasikan (Mayer & Moreno, 1998). Proses-proses ini telah menyebabkan pembelajaran yang bermakna berlaku setelah murid terlibat dalam proses kognitif yang disebutkan di atas. Pembelajaran yang bermakna didefinisikan sebagai situasi di mana seorang murid dapat mengaplikasikan pengetahuan yang mereka pelajari dalam situasi baru dan menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam menyelesaikan masalah semasa mereka belajar dengan verbal dan visual (Sorden, 2012). Memilih adalah proses di mana perkataan yang relevan dipilih untuk diproses dalam memori kerja verbal serta memilih gambar yang relevan untuk

diproses dalam memori kerja visual. Menyusun adalah proses menyusun kata dan gambar yang dipilih menjadi model verbal dan bergambar sementara penyatuan adalah proses membina hubungan antara representasi verbal dan visual dengan adanya pengetahuan sebelumnya (Mayer & Moreno, 1998; Sorden, 2012).

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini menyumbang kepada pembinaan ilmu, penambahbaikan dalam amalan dan juga sebagai panduan kepada pembangunan Aplikasi *Augmented Reality* (AR) Jahit Pintar. Pembangunan Aplikasi *Augmented Reality* (AR) Jahit Pintar ini dapat memberikan impak kepada beberapa pihak.

1.10.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Hasil dapatan kajian ini diharap dapat memberi impak kepada Kementerian Pendidikan Malaysia agar menyedari tentang kepentingan untuk pihak kementerian memberi penekanan kepada para guru dan murid RBT di sekolah rendah untuk memahami dan seterusnya dapat menguasai kemahiran jahitan dengan baik. Aplikasi *Augmented Reality* (AR) Jahit Pintar ini dapat menyumbang kepada teori dan pemikiran untuk mengembangkan media pembelajaran berasaskan realiti maya khususnya dalam Jahitan Asas agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan seiring dengan kehendak dan keperluan pendidikan IR 4.0.

Selain juga, Aplikasi *Augmented Reality* (AR) Jahit Pintar dapat memberi kesan kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) untuk membina satu garis panduan, buku panduan, manual atau modul tentang kemahiran jahitan agar proses PdPc dengan lebih baik dalam khususnya dalam RBT komponen Teknologi Rumah Tangga. Proses pengajaran menjadi lebih mudah difahami oleh para murid dan dapat memperbaiki amalan dan teknik-teknik dalam pengajaran bagi dapat membantu membawa perubahan ke atas sikap dan pembelajaran murid agar matlamat pembelajaran tercapai dengan jayanya dengan berpandukan garis panduan, buku panduan, manual atau modul tersebut.

1.10.2 Guru

Kepentingan seterusnya ialah dapat membantu guru mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran jahitan asas selaras dengan perkembangan era digital dan kewujudan IR4.0. Akhirnya dapat membentuk para guru yang lebih kreatif dan kritis sama ada dari segi pemikiran malah kerja-kerja amali. Aplikasi *Augmented Reality* (AR) membolehkan guru untuk menyampaikan konsep yang kompleks dengan cara yang lebih jelas dan interaktif. Dengan menggunakan visualisasi 3D dan simulasi, guru dapat memperjelaskan idea-idea abstrak yang sukar diterangkan melalui kaedah tradisional.

Selain itu, penggunaan Aplikasi *Augmented Reality* (AR) yang menarik dan berstruktur boleh meningkatkan penglibatan murid dan mengurangkan masalah disiplin. Aktiviti interaktif yang disediakan oleh Aplikasi *Augmented Reality* (AR)



membantu menarik perhatian murid dan menjadikan sesi pembelajaran lebih dinamik. Malahan dengan penggunaan Aplikasi *Augmented Reality* (AR) membolehkan guru menyesuaikan kurikulum dengan cara yang lebih inovatif. Mereka boleh mencipta pengalaman pembelajaran yang unik dan sesuai dengan keperluan pelajar serta konteks pendidikan mereka.

Aplikasi *Augmented Reality* (AR) juga memberikan guru peluang untuk menggunakan pendekatan kreatif dalam pengajaran. Mereka boleh mencipta aktiviti dan pengalaman yang memacu kreativiti dan inovasi dalam bilik darjah. Akhir sekali Aplikasi *Augmented Reality* (AR) boleh mewujudkan pembelajaran kolaboratif di kalangan murid. Guru boleh mencipta aktiviti yang memerlukan kerjasama dan interaksi antara murid, mempromosikan kerja berpasukan dan kemahiran sosial.



1.10.3 Murid-murid

Di samping itu, Aplikasi *Augmented Reality* Jahit Pintar boleh merangsang minat murid dalam PdPc kerana sifat *Augmented Reality* (AR) yang menggabungkan dunia maya dan dunia sebenar. Aplikasi *Augmented Reality* (AR) Jahit Pintar penting sebagai satu strategi untuk meningkatkan kemahiran menjahit artikel jahitan secara kreatif dan meningkatkan tahap motivasi serta minat murid.

Aplikasi *Augmented Reality* (AR) juga dapat meningkatkan penglibatan dan motivasi murid dengan menyajikan maklumat secara interaktif dan menarik. Gabungan elemen maya dengan dunia sebenar mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih



dinamik dan menyeronokkan dapat membantu murid merasa lebih yakin untuk terlibat dalam aktiviti dan berminat terhadap mata pelajaran yang diajar. Selain itu, aplikasi ini membolehkan murid melihat dan berinteraksi dengan konsep yang sukar difahami melalui visualisasi 3D dan simulasi. Malahan dengan menggunakan aplikasi *Augmented Reality* (AR), murid dapat menjalani latihan dan aktiviti praktikal dalam persekitaran maya yang selamat dan terkawal. Ini amat berguna dalam mata pelajaran yang memerlukan kemahiran teknikal atau praktikal, seperti reka bentuk atau sains. Contohnya, aplikasi *Augmented Reality* (AR) seperti Jahit Pintar membolehkan murid mempraktikkan kemahiran menjahit secara maya sebelum melakukannya di dunia sebenar. Aktiviti berasaskan aplikasi *Augmented Reality* (AR) memerlukan murid untuk berfikir secara kritikal dan kreatif, serta menyelesaikan masalah dalam konteks yang lebih realistik. Ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran kognitif mereka tetapi juga memupuk kemahiran penyelesaian masalah yang berguna dalam kehidupan seharian.

Seterusnya aplikasi *Augmented Reality* (AR) memberikan akses kepada sumber pendidikan yang mungkin tidak dapat diperoleh secara fizikal di bilik darjah. Akhir sekali aplikasi *Augmented Reality* (AR) dapat memenuhi pelbagai gaya pembelajaran, sama ada visual, kinestetik, atau auditori. Dengan menyediakan pengalaman yang pelbagai, aplikasi *Augmented Reality* (AR) membantu murid yang mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza untuk memahami dan mengasimilasikan maklumat dengan cara yang paling sesuai untuk mereka.



1.11 Batasan Kajian

Batasan kajian ini hanya tertumpu kepada bidang jahitan dalam mata pelajaran RBT di peringkat sekolah rendah iaitu murid Tahun Lima sahaja. Bidang jahitan merupakan salah satu daripada komponen dalam mata pelajaran Reka Bentuk Teknologi sekolah rendah yang perlu menghasilkan artikel jahitan. Keperluan dalam bidang jahitan di sekolah rendah dianggap penting sebagai nilai tambah kepada keperluan insaniah seseorang murid dalam perkembangan sendiri yang dapat diterapkan dalam kehidupan seharian.

1.12 Definisi Operasional



Pada bahagian ini, penyelidik akan menghuraikan definisi mata pelajaran utama kajian mengikut kesesuaiannya dengan konteks kajian yang dijalankan. Definisi operational dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.12.1 Aplikasi

Aplikasi boleh merujuk kepada program untuk mana-mana platform perkakasan dan aplikasi sering digunakan untuk menggambarkan program peranti mudah alih, seperti telefon pintar serta tablet. Istilah "aplikasi" dipopularkan oleh *Apple* ketika syarikat itu membuat "*App Store*" pada tahun 2008, setahun setelah iPhone pertama dikeluarkan. Ketika iPhone dan *App Store* semakin popular, istilah "aplikasi" menjadi cara standard





untuk merujuk kepada aplikasi mudah alih. Program untuk Android dan Windows Phone kini disebut juga "aplikasi" dalam istilah *Google Apps Playstore* (Christensen, 2012). Menurut Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff et al. (2019), aplikasi teknologi membolehkan pengguna menyumbang kepada isi kandungan di internet dan pada masa yang sama sebagai pengguna maklumat. Sebagai contoh, persembahan nota, video, uji minda (latihan dan permainan), komunikasi sosial dan interaksi. Web 2.0 membuka ruang yang luas terhadap penglibatan murid sama ada di dalam mahupun di luar kelas iaitu secara dalam talian atau melalui aplikasi teknologi mudah alih tanpa mengira masa dan tempat.

Pembelajaran dalam talian juga memberi peluang kepada murid yang malu bersemuka secara langsung, tetapi memilih berinteraksi secara maya. Dalam kajian ini aplikasi yang mengandungi elemen kemahiran jahitan yang telah dikenal pasti digunakan oleh guru RBT untuk mata pelajaran RBT di sekolah rendah dapat menarik minat murid dalam topik jahitan. Aplikasi ini lebih berfokus kepada jahitan tangan seperti jelujur kasar, jelujur halus, jahitan kia, jahitan insang pari, jahitan sembat, jahitan panjang pendek, jahitan lilit ubi, jahitan tegak/serong dan jahitan suji bilang. Aplikasi ini boleh digunakan untuk kedua-dua pihak, yang merupakan pendidik dan murid untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Media pembelajaran ini merupakan medium yang direka khas untuk merangsang pemikiran, perasaan, perhatian dan kesediaan murid dalam proses pembelajaran. Media pembelajaran mengandungi maklumat boleh menjadi pengetahuan atau menjadi kaedah untuk murid melakukan aktiviti pembelajaran (membaca, memerhatikan, mencuba, melakukan masalah dan menjawab soalan.





Menurut Sahid (2010), media pembelajaran bukan sekadar objek fizikal, tetapi mengandungi bahan belajar untuk belajar tujuan menimba ilmu, kemahiran, atau perubahan sikap. Media pembelajaran ini juga dapat merangsang corak pemikiran murid dalam secara kritis mengenai masalah dan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka. Hal tersebut kerana sifat media pendidikan adalah untuk membantu murid dalam proses pembelajaran berbantuan fasilitator atau tanpa berbantuan fasilitator (Pramono & Setiawan, 2019).

Pembelajaran Media tersebut berlandaskan standard kandungan dan standard pembelajaran yang disusun atur secara sistematik dalam bentuk bahagian dan unit yang mengandungi unsur pengetahuan, kemahiran serta nilai yang telah dikenal pasti. Setiap bahagian dan unit perlu dikuasai oleh setiap murid. Kandungan kurikulum yang disampaikan dalam bentuk bahagian atau unit ini membenarkan pembelajaran dilakukan mengikut konteks serta kemampuan murid dan boleh diubah tanpa mempengaruhi keseluruhan kandungan kurikulum. Media pembelajaran dalam kajian ini mengandungi kemahiran jahitan dalam mata pelajaran RBT yang telah dikenal pasti bagi kegunaan guru RBT dalam proses PdPc di sekolah rendah.

1.12.2 *Augmented Reality* (AR)

Takrif *Augmented Reality* adalah berbeza oleh penyelidik daripada bidang sains komputer dan teknologi pendidikan. Teknologi *Augmented Reality* ini dihasilkan oleh Morton Heilig pada tahun 1962, beliau mendefinisikan *Augmented reality* gabungan objek dunia maya dan dunia sebenar dalam masa nyata melalui penglihatan pengguna






(Milgram et al., 1994). Selaras dengan Heilig (1962); Ronald (1997) juga mendefinisikan *Augmented Reality* sebagai proses yang menggabungkan objek maya ke dunia nyata yang bersifat interaktif dalam realiti dengan bentuk animasi 2D dan 3D. Sementara definisi, Mustaqim (2017), mengenai *Augmented Reality* pula penggabungan tiga aplikasi iaitu dunia nyata dengan ruang siber dalam bentuk dua dimensi dan tiga dimensi yang dipancarkan dalam lingkungan nyata pada masa yang sama.

Manakala Arena et al. (2022), merumuskan bahawa fungsi asas *Augmented Reality* terdiri daripada mencipta pautan, langsung atau dicetuskan oleh interaksi pengguna dengan peranti, antara dunia sebenar dan maklumat yang dijana oleh peranti atau maklumat elektronik. Keadaan ini menyediakan antara muka kepada pengguna dunia fizikal yang dipertingkatkan secara elektronik. *Augmented Reality* merupakan teknologi yang bertujuan untuk mengintegrasikan secara digital dan mengembangkan dunia pengguna atau secara persekitaran fizikal dalam alam nyata dengan menambahkan lapisan maklumat digital. Penyepaduan ini boleh digunakan untuk pelbagai teknologi paparan yang mampu untuk menindih atau menggabungkan maklumat iaitu (nombor, huruf, simbol, audio, video, grafik) dengan pandangan pengguna mengenai dunia sebenar. *Augmented Reality* juga boleh menindih maklumat yang dijanakan oleh komputer pada pandangan dunia nyata, menguatkan persepsi dan ilmu pengetahuan manusia secara baru dan luar biasa. Terdapat pelbagai jenis teknologi di mana *Augmented Reality* boleh digunakan, setiap satu mendorong kepada objektif yang berbeza atau, seperti yang dinyatakan berikut:



- i) *Augmented Reality* berdasarkan penanda (*marker-based AR*);
- ii) *Augmented Reality* tidak berdasarkan kepada penanda (*AR not based on markers*);
- iii) *Augmented Reality* berdasarkan unjuran (*AR based on projections*);
- iv) *Augmented Reality* berdasarkan pertindihan (*AR based on overlaps*).



Rajah 1.3. Konsep Gabungan Teknologi *Augmented Reality* (AR)

Sehubungan itu, sistem *Augmented Reality* ini boleh di bahagikan kepada dua kategori iaitu sistem yang menggunakan peranti boleh di guna pakai (*wearable device*) dan peranti tidak boleh dipakai (*non-wearable device*) (Peddie, 2017). Perkakasan yang di perlukan bersama dengan *Augmented Reality* (AR) yang boleh di guna pakai adalah seperti helmet, contact, dan headsets. Menurut Peddie (2017), juga *Augmented Reality* (AR) peranti yang tidak boleh dipakai menggunakan peranti adalah seperti telefon pintar, peranti tayangan (LCD, televisyen) dan peranti tayangan *head-up*. Jika dilihat perkembangan masa kini generasi sekarang lebih cenderung kepada peranti tidak boleh dipakai iaitu lebih bersifat kepada penggunaan teknologi digital, malahan berdasarkan kajian Mustafa dan Didem (2018), *Augmented Reality* (AR) akan terus berkembang dan lebih moden dalam teknologi mudah alih seperti telefon pintar.



Generasi baru lebih suka penggabungan objek maya tiga dimensi dengan pendekatan dunia nyata sehingga mereka dapat berinteraksi dengan objek maya secara bebas. Selain itu, generasi baru hari ini terlalu terdedah kepada ruang visual digital sejak mereka masih kecil (Weng et al., 2017). *Augmented reality* (AR) telah digunakan oleh pelbagai penyelidik untuk mengkaji kesannya terhadap peningkatan pembelajaran, motivasi, persembahan dan kemahiran visualisasi murid. Menurut Chen et al. (2017), *Augmented Reality* secara praktikalnya digunakan ketika belajar tentang konsep yang kompleks dan tidak dapat dijelaskan dengan menggunakan perkataan atau teori saja.

Ini kerana *Augmented Reality* (AR) dapat menambah maklumat abstrak dan menyampaikannya dengan cara yang lebih berkesan yang membolehkan murid memahami konsep kompleks dengan cepat. Dengan menggunakan *Augmented Reality* (AR), murid akan dapat melihat objek tiga dimensi secara langsung tanpa perlu menerjemahkannya secara mental dari gambar dua dimensi mereka (Lee et al., 2016). *Augmented reality* (AR) membolehkan murid meningkatkan persepsi mereka semasa belajar dengan membolehkan mereka melihat apa yang tidak dapat mereka lihat di dunia nyata. Dalam kajian ini *Augmented Reality* (AR) lebih kepada proses menjahit jahitan asas dalam bentuk 3D yang dapat membantu murid untuk menggambarkan bagaimana proses jahitan itu berlaku di dalam dunia maya.





1.12.3 Jahit Pintar

Jahitan bermaksud jarum digunakan bersama benang untuk menyatukan dua helai kain dengan memasukkan benang ke dalamnya dengan jarum (Martindale, 2017). Selain itu menurut Picken (1999), menjahit adalah proses menjahit dengan menggunakan jarum dan benang atau dengan mesin jahit. Berdasarkan dapatan Norulaini Mohd Ramly dan Nazlina Shaari (2019), penghasilan sehelai pakaian perlu melalui proses yang terperinci untuk mencapai hasil jahitan yang teliti dan kemahiran yang kemas serta cantik. Setiap murid mestilah menjalankan proses yang sistematik serta cekap untuk mengelak masalah di kemudian hari. Dalam konteks kajian ini “Jahitan” merujuk kepada jahitan asas yang merangkumi jahitan tangan seperti jelujur kasar, jelujur halus, jahitan kia, jahitan insang pari, jahitan sembat dan jahitan silang pangkah yang ditentukan dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) (Semakan 2017) Tahun Lima. “Pintar” pula bermaksud Bijak atau *Smart* yang mempunyai elemen mudah dan inovasi. Elemen inovasi merupakan idea, amalan atau objek yang dianggap baharu oleh seseorang (Miller, 1971).

Manakala Spencer (1994), menggambarkan inovasi adalah sesuatu yang baru dan lebih baik daripada yang lama oleh individu. Menurut Sufean Hussin (2001), inovasi bermaksud pembaharuan, pengubahsuaian atau penambahbaikan idea, perkara, pengetahuan dan penciptaan seni budaya peradaban dengan fungsi atau selera atau pasaran tertentu. Berdasarkan dapatan Azizah Asar dan Halizah Awang (2018), suatu inovasi diperlukan bagi melihat kesan PdPc bagi membantu murid mempertingkatkan





kemahiran menjahit. Jahit Pintar dalam kajian ini berfokuskan jahitan asas dalam topik Teknologi Rumah Tangga.

1.12.4 Reka Bentuk dan Teknologi (RBT)

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) merupakan mata pelajaran wajib bagi murid tahap dua iaitu tahun empat hingga tahun enam di sekolah rendah bermula dari tahun 2020 secara berperingkat. Melalui subjek RBT ini murid mempelajari ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai selaras dengan cabaran Abad ke-21 serta revolusi industri ke-4. Hal tersebut adalah sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM 2019).

Manakala RBT dalam kajian ini hanya menjurus kepada topik Teknologi Rumah Tangga yang berfokus kepada jahitan asas sahaja.

1.12.5 Pencapaian

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit merujuk kepada empat tahap pemikiran iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. PdPc yang berfokus ini perlu diterjemahkan oleh guru bagi merangsangkan pemikiran murid agar lebih kritis, kreatif dan berinovatif. Pencapaian di sini merujuk kepada peningkatan dari segi akademik dan penguasaan murid dalam kemahiran menjahit serta kefahaman mereka dalam proses pdpc termasuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dan seronok (Azizah Asar & Halizah Awang,





2018). Kaedah, strategi dan alat bantu mengajar yang berkesan juga dapat meningkatkan pencapaian kemahiran murid (Siti Kulsum, 2018). Dalam konteks kajian ini, penyelidik melihat sejauh mana kaedah PdPc yang digunakan dalam meningkatkan pencapaian pengetahuan murid mengenai jahitan asas. Pengukuran ke atas pencapaian murid terhadap PdPc jahitan asas diukur adalah melalui ujian pra dan ujian pasca jahitan asas.

1.12.6 Motivasi

Gardner (1985) serta Parsons et al. (2001) mendefinisikan motivasi sebagai komponen atau faktor penting dalam proses pembelajaran. Pembelajaran dan motivasi mempunyai kepentingan yang sama untuk mencapai sesuatu. Pembelajaran membuat kita memperoleh pengetahuan dan kemahiran baru dan motivasi mendorong kita atau mendorong kita untuk melalui proses pembelajaran. Menurut Mohd Uzir Zubir et al. (2018), motivasi sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana motivasi dapat menentukan hala tuju dan keberkesanannya. Motivasi ialah penggerak yang melibatkan proses membangkitkan, mengekalkan dan mengawal minat. Dalam kajian ini murid yang bermotivasi tinggi biasanya mempunyai dorongan yang kuat dan mantap untuk terus berminat dengan perkara yang disampaikan hasil daripada kaedah baru dalam pembelajaran iaitu menerusi Aplikasi *Augmented Reality* (AR) Jahit Pintar yang lebih interaktif dan mempunyai aplikasi yang lebih menarik.





1.13 Rumusan

Bab 1 membincangkan secara terperinci tentang latar belakang, pernyataan masalah, kerangka konseptual kajian, tujuan dan objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Bab seterusnya membincangkan Kajian Literatur.

Kajian ini berkaitan dengan kajian terhadap intervensi PdPc jahitan asas yang dilaksanakan di sekolah rendah sebagai satu perubahan terhadap kaedah PdPc jahitan asas secara konvensional. Penyelidik mengambil inisiatif untuk mengaji secara empirikal terhadap inovasi PdPc jahitan asas dengan membangunkan *Augmented Reality* (AR) jahitan asas yang dikenali sebagai Jahit Pintar untuk kegunaan guru dan murid serta menilai kesan *Augmented Reality* (AR) terhadap murid dalam pembelajaran jahitan asas di dalam kelas. Selain itu, kajian ini penting sebagai bahan dokumentasi berhubung dengan inovasi PdPc jahitan asas serta kesannya terhadap pelaksanaan PdPc jahitan asas tersebut. Kajian terhadap inovasi Media Pembelajaran *Augmented Reality* (AR) Jahit Pintar dalam PdPc jahitan asas di sekolah merupakan satu kajian yang amat relevan terutamanya dalam menangani masalah dari segi pencapaian dan motivasi yang dihadapi oleh guru dan murid dalam pelaksanaan PdPc jahitan asas bagi mata pelajaran RBT di sekolah rendah.

